

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH :

SOALAN :

YB Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menambah khidmat perubatan pakar di Negeri Sabah khususnya di hospital-hospital daerah di wilayah utara Negeri Sabah memandangkan banyak kes-kes pembedahan tertangguh dan menimbulkan ancaman kesihatan pada ramai pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2016, terdapat 2,610 jawatan Pegawai Perubatan Pakar di negeri Sabah dengan jumlah pengisian sebanyak 2,629 atau 100.7 peratus. Dari jumlah tersebut, terdapat seramai 213 orang adalah pakar klinikal yang ditempatkan di lapan (8) buah hospital berpakar di Sabah.

Perkhidmatan perubatan pakar di wilayah utara negeri Sabah seperti Hospital Kudat, Hospital Kota Marudu, Hospital Kota Belud dan Hospital Pitas buat masa ini diberikan oleh pegawai perubatan yang telah dilatih dalam bidang masing-masing di samping pakar secara lawatan dari Hospital Queen Elizabeth, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas dan Hospital Mesra Bukit Padang yang memberikan perkhidmatan pakar seperti Perubatan Dalaman, Oftalmologi, Ortopedik, Nefrologi, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik dan Psikiatrik secara berkala. Kes-kes biasa akan dirawat di hospital-hospital tersebut manakala kes-kes yang rumit akan dirujuk terus ke hospital berpakar yang berdekatan.

KKM secara berterusan untuk meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar bagi mengisi kekosongan sedia ada supaya penyampaian perkhidmatan dapat ditingkatkan melalui pendekatan berikut:

- i. Meneruskan program penawaran tajaan biasiswa atau Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana kepakaran dengan peningkatan bilangan penawaran tajaan daripada 800 pegawai kepada 1,000 pegawai setahun mulai tahun 2015;
- ii. Menggalakkan pegawai perubatan untuk mendapatkan kepakaran dengan mengikuti program laluan paralel (tajaan sendiri);
- iii. Melantik semula (*renewal*, dengan izin) Pegawai Perubatan Pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;

- iv. Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;
- v. Mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara *sessional*;
- vi. Menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air; dan
- vii. Pelarasan perjawatan secara tukar ganti Pegawai Perubatan Bukan Pakar kepada Pegawai Perubatan Pakar bersesuaian dengan bilangan Pegawai Perubatan yang diwartakan sebagai Pegawai Perubatan Pakar dan penempatan pegawai mengikut keperluan perkhidmatan.

Selain itu, bagi meningkatkan khidmat perubatan pakar di Sabah, pihak KKM telah memanjangkan tempoh penempatan Pegawai Perubatan Pakar daripada enam (6) bulan kepada minima satu (1) tahun.

KKM juga telah mewujudkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar mulai 1 Julai 2016 sebagai insentif kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di Sabah dan Sarawak.